

20/02/2003

KLWFF wajar jadi acara dwitahunan

Akmal Abdullah

MALAM Selasa lalu berakhirlah Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF)

2003. Festival yang boleh dikatakan sebagai satu acara mengejut sebelum sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) tetap berjaya dianjurkan dengan gemilang meskipun ada beberapa kelemahan dan kekurangannya.

Biasalah, kali pertama menganjurkan festival filem yang cukup besar penyertaan seperti ini, bertaraf antarabangsa dan dibuat pula dalam masa terdekat iaitu kira-kira dua bulan saja penganjuran, sudah tentu ada kelemahan. Dan, kelemahan inilah yang wajar dibuat bedah siasat.

Apa yang jelas, penghormatan untuk seni filem sebagai satu medium menyatukan kuasa politik dunia tergambar menerusi falsafah festival ini yang menekankan tema 'Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan, Tanpa Diskriminasi'. Syabas buat Perdana Menteri kita atas idea bijak untuk mewujudkan satu acara perfileman yang tersendiri menerusi festival unik ini.

Kelainan KLWFF ialah kerana semua 48 filem yang menyertainya mempunyai tema keamanan dengan cerita yang dipaparkan bercorak drama kehidupan yang serius, tinggi semangat kemanusiaan, intim falsafah kasih sayang dan mesra jati diri.

Meskipun hakikatnya filem dari Malaysia belum mampu mencuri perhatian masyarakat antarabangsa, sekurang-kurangnya negara ini mendapat perhatian pihak luar untuk bersama menyertai festival bertaraf antarabangsa anjuran Malaysia. Maka KLWFF menjadi permulaan yang baik untuk menjana perkembangan memberangsangkan buat industri filem tempatan.

Berdasarkan pencapaian baik menerusi festival ini juga, satu kesimpulan dibuat bahawa ia cukup baik untuk kepentingan bangsa Malaysia, ekonomi dan imej negara di pentas dunia. Negara luar mula membuka mata terhadap Malaysia dari aspek perfilemannya yang menyedari betapa pentingnya seni filem sebagai bahan pembinaan akal budi dan sahsiah sesebuah bangsa.

Filem yang berkumpul di KLWFF mencerminkan seruan sejagat untuk mengajak memelihara keamanan dan mencintai kehidupan yang harmoni. Ritual bangsa akan menjadi lebih manis dengan sifat manusia yang positif terhadap kehidupan itu sendiri. Semua ini terkandung dalam inti pati filem yang ditayangkan sepanjang KLWFF. Kebanyakan filem nyata memaparkan kisah yang menyentuh emosi, menyentak pemikiran dan mencetus keinsafan.

Dalam usaha mengelak keganasan dan peperangan di alam realiti, kandungan filem yang dibawa menerusi KLWFF nyata menyentuh aspek kehidupan yang sengsara, kemiskinan, ketuhanan, kemanusiaan dan kasih sayang sesama

manusia.

Dengan kejayaan festival ini adalah wajar pihak tertentu di Malaysia terutama kerajaan sendiri dapat mengambil inisiatif meneruskan usaha menjadikan ia sebagai satu trademark untuk perfileman Malaysia di peringkat dunia. KLWFF yang menjurus pada filem untuk keamanan atau 'Film

For Peace' harus dijadikan hak cipta Malaysia dengan menjadikan ia sebagai acara tahunan. Meskipun kali ini ia sekadar menumpang acara NAM tetapi ia pemangkin untuk meletakkan Malaysia di peta dunia perfileman.

Seperti kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis perasmiannya Ahad lalu: "Kita harus mempromosikan filem tanpa keganasan dan festival ini bukan sekadar kerana NAM. Mungkin industri filem dapat mempromosikan keamanan dan dapat mempengaruhi mereka yang suka berperang..."